

# Melahirkan guru berkualiti



MIINDA PENDIDIK

**MUHAMAD SUHAIMI TAAT**

Bersama, Mohd Yusof Abdullah,  
Baharom Mohamad, Roslee Talip, Abdul  
Said Ambotang dan Shukri Zain

ISU kualiti guru seringkali diketengahkan oleh pelbagai pihak khususnya apabila berlaku pelbagai masalah di sekolah sama ada melibatkan pelajar, pihak pengurusan atau guru itu sendiri. Tidak kurang juga yang menyatakan bahawa guru-guru baharu dewasa ini kurang menjiwai watak dan peranan seorang yang bergelar pendidik. Namun ada juga yang mendakwa bahawa guru-guru senior atau 'otai' yang kelihatannya sudah tepu dan kurang 'bernafsu' untuk mengajar. Sama ada dakwaan-dakwaan itu benar atau sebaliknya, adalah lebih baik bagi penulis menyerahkannya kepada setiap individu guru untuk memikirkan dan memberikan jawapannya. Selain itu, sejak kebelakangan ini, terdapat pihak yang mengutarakan kebimbangan berkaitan kualiti proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Ada juga sesetengah pihak yang berpendapat antara punca rendahnya kualiti pengajaran adalah disebabkan nisbah bilangan guru dan pelajar adalah terlalu besar, iaitu jumlah guru yang tidak mencukupi khususnya di sekolah-sekolah luar bandar. Maka, pernah dahulu terdapat cadangan agar diwujudkan jawatan pembantu guru bagi guru-guru di semua sekolah. Isunya di sini adalah, adakah benar masalah kualiti pengajaran di sekolah-sekolah di negara kita disebabkan oleh faktor jumlah guru yang berkurangan dan memerlukan kepada pembantu guru, atau sebenarnya terdapat faktor lain yang lebih utama yang perlu diberi perhatian.

Sekiranya kita mengimbuai kembali sejarah pendidikan di negara kita bermula dari zaman pra dan pasca kemerdekaan, kelihatannya seolah-olah generasi pendidik terdahulu mempunyai kualiti diri yang lebih baik berbanding dengan kualiti diri pendidik sekarang. Mungkin ada yang kurang atau tidak bersetuju dengan kenyataan itu, namun dengan pelbagai isu dan kes yang melibatkan sama ada guru atau pelajar dewasa ini, jelas kredibiliti guru kerap dipertikaikan oleh pelbagai pihak. Membandingkan dua zaman yang berbeza dengan keadaan, situasi, dan cabaran yang berlainan adalah kurang adil, tetapi sebagai insan pendidik yang terlibat secara langsung dalam bidang pendidikan, kita seharusnya melakukan muhasabah atau refleksi sendiri untuk melihat di manakah kekuatan atau kelemahan diri agar segala cabaran dan masalah boleh didepani dengan positif dan penuh berhikmah.

Bilangan guru di Malaysia telah dipertingkatkan dari masa ke semasa mengikut keperluan negara. Cadangan untuk mewujudkan jawatan pembantu guru yang pernah diutarakan suatu masa dahulu adalah baik, namun sekiranya jumlah guru di setiap sekolah boleh dicukupkan mengikut opsyen masing-masing atau nisbah guru dengan pelajar dapat dikecilkan, rasanya tidak timbul keperluan kepada pembantu guru. Selama ini sistem pendidikan sedia ada di negara kita berjaya merealisasikan matlamat pendidikan kebangsaan dengan dasar pendidikan sedia ada. Di samping isu kuantiti ini, rasanya kita tidak boleh meminggirkan aspek kualiti diri seseorang guru kerana kualiti diri guru merupakan sesuatu yang sangat penting untuk diberikan perhatian sebab tidak ada maknanya kita memiliki jumlah guru yang ramai tetapi memiliki kualiti yang rendah. Proses melahirkan guru berkualiti sebenarnya bukanlah satu perkara

yang mudah dan mengambil masa yang singkat. Proses membentuk kualiti guru sebenarnya bermula daripada pemilihan bakal guru pelatih dan selepas itu adalah proses latihan keguruan yang mereka lalui semasa di institut pendidikan keguruan. Tidak dapat dinafikan proses pemilihan bakal guru di Malaysia melalui satu proses tapisan yang agak ketat. Tetapi apa yang berlaku adalah terdapat juga segelintir calon yang tidak memiliki jati diri insan guru sebenar terlepas daripada tapisan berkenaan. Namun adalah diharapkan institut pendidikan keguruan berupaya memastikan semua pelajar pendidikan melalui proses latihan keguruan yang menyeluruh dan holistik kepada pelajar pendidikan daripada pelbagai aspek yang perlu dikuasai seperti falsafah, sosiologi, psikologi, pedagogi dan sebagainya.

Mendidik dan mengajar merupakan dua perkara yang berbeza. Jika seseorang guru itu hanya mengajar sesuatu mata pelajaran tanpa memikirkan dan berusaha untuk mengubah tingkah laku anak didiknya, maka proses pendidikan tidak berlaku. Proses pendidikan di sekolah melibatkan aspek 'transfer' (pemindahan ilmu dan kemahiran) dan juga 'transform' (perubahan tingkah laku). Hanya guru yang berkualiti sahaja akan mampu melaksanakan proses pendidikan sebenar yang sememangnya amat berat dan sukar. Namun begitu, dengan niat ikhlas dan sentiasa rasa bertanggungjawab serta seronok ketika melaksanakan tugas itu, guru berkualiti tidak pernah jemu dan muak untuk menunaikan amanah yang diberikan. Usaha murni yang dijalankan oleh guru berkualiti ini tidak berkehendakkan kepada insentif berbentuk material, tetapi apa yang lebih berharga ialah apabila anak didik mereka menjadi insan berguna dan berjaya. Mungkin ramai dalam kalangan guru yang memiliki kelulusan seperti diploma, ijazah, sarjana, dan doktor falsafah. Namun begitu, berapa ramai dalam kalangan guru yang memiliki kualiti insan guru setinggi kelulusan yang diperolehi. Pepatah ada mengatakan 'ikutlah resmi padi, semakin berisi semakin tunduk'. Kata-kata itu menjelaskan kepada kita bahawa seharusnya sebagai seorang guru yang mempunyai kelulusan, kualiti diri khususnya dari segi sahsiah atau perwatakan seharusnya sesuai dengan kelulusan yang dimiliki dan menjadikan diri lebih baik, dihormati, dan disegani oleh rakan sejawat, para pelajar, dan juga masyarakat setempat.

'Core business' seorang guru adalah ketika melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Justeru, walau berapa pun jumlah pelajar yang diajar, guru berkualiti akan mampu menyampaikan isi pelajaran secara berkesan dengan menggunakan pelbagai strategi, pendekatan, kaedah, dan teknik yang sesuai. Pepatah juga ada mengatakan 'hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih', maka bagi guru berkualiti, tiada alasan bagi mereka untuk tidak melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran yang cekap dan berkesan. Malah, hakikatnya guru sekarang disediakan dan dibekalkan dengan pelbagai kemudahan bagi tujuan melicinkan lagi proses pengajaran dan pembelajaran berbanding dengan guru-guru terdahulu. Maka, sebenarnya terserahlah pada setiap individu guru untuk memastikan proses itu dapat dilaksanakan dengan lancar, cekap dan berkesan demi kebaikan para pelajar.

\* Penulis adalah Pensyarah Kanan di Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah.